

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
 MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DT
 DALAM PERBAHATHAN RANCANGAN LIMA
 TAHUN KEDUA DI DEWAN RAKYAT¹ PADA
 9HB FEBRUARI, 1961

Tuan Yang Dipertua, perbahathan dalam cadangan ini telah mengambil masa dua hari lamanya, dan bagi menjawab pandangan-pandangan itu saya tidaklah hendak mengambil masa yang panjang. Saya hanya suka yang pertama sekali mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini, dan begitu juga banyak daripada pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang didatangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun dijawab oleh rakan saya Menteri-menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Perikatan dalam Dewan ini. Hanyalah ada beberapa perkara sahaja yang saya suka menerangkan sedikit, yang pertama sekali ialah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Baru Hilir² dan Pasir Mas Hulu³ yang ada mengatakan bahawa Kerajaan pada masa ini tidak ada mempunyai "planning unit". Ini satu pandangan yang silap, sebab yang sebenarnya Kerajaan ada "planning unit" iaitu Economic Secretariat sekarang ini yang menjalankan plan dan segala rancangan Kerajaan. Akan tetapi, oleh sebab pekerjaan bagi menjayakan Rancangan Lima Tahun ini bertambah banyak dan luas, maka Kerajaan akan membesar dan meluaskan lagi Economic Secretariat dan akan mengadakan suatu Economic Planning Unit.

Dan begitu juga pandangan Ahli Yang Berhormat yang kedua itu yang mengatakan Kerajaan tidak ada mempunyai "Unemployment Survey". Yang sebenarnya, sungguh pun "Unemployment Survey" ini mustahak dan berguna, akan tetapi kita boleh menjalankan planning dengan tidak payah mempunyai "Unemployment Survey"—dengan mempunyai hanyalah yang dikatakan "Sample Survey". Jadi dari satu masa ke satu masa Kerajaan ada mengadakan "Sample Survey", dan keterangan yang dapat melalui

1 Persidangan Dewan Rakyat Pertama dalam Penggal Kedua.

2 Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah.

3 Y.B. Datuk Mohammad Hanifah bin Haji Abdul Ghani.

“Sample Survey” boleh dikatakan memberi puas hati, dan menurut “Sample Survey” Kerajaan telah menjalankan siasatan dan juga telah mengatur rancangan yang terkandung dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini.

Dan lagi ada beberapa Ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang mengatakan Rancangan Lima Tahun Yang Pertama itu tidak berjaya. Ini pun satu pandangan yang saya fikir tidak menepati dengan keterangan yang diberi dalam muka dua yang mana ada disebutkan dalam masa lima tahun yang lalu iaitu tahun 1956-60 barang-barang keluaran telah bertambah lebih kurang 20%, dan sungguh pun bilangan isi penduduk bertambah 3.3%, tetapi barang-barang keluaran bertambah 20%. Maka ini menunjukkan Rancangan Kemajuan Yang Pertama itu ada menambah dan membaiki taraf hidup rakyat negeri ini. Dan saya telah terangkan juga hanya 15% sahaja daripada wang peruntukan bagi Rancangan Yang Pertama itu tidak dijayakan. Jadi 85% itu telah dijayakan, sungguh pun kita terpaksa menghadapi kesulitan-kesulitan seperti darurat dan juga world trade recession tetapi kita berjaya menjalankan 85% daripada Rancangan yang diuntukkan itu.

Saya suka menjawab pandangan yang didatangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok⁴ yang mengatakan dalam menjalankan rancangan-rancangan kemajuan terutama sekali pembangunan luar bandar ini ada pilih kasih. Saya suka menegaskan kepada Dewan ini bahawa perkara ini tidak ada berlaku. Dalam Buku Merah ada diterangkan bahawa Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini hendaklah disediakan oleh rakyat itu sendiri iaitu disediakan oleh wakil-wakil rakyat di peringkat jajahan oleh Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Jajahan, dan semua sekali rancangan-rancangan yang dikehendaki oleh rakyat itu ada dimasukkan dalam Buku Merah dan bagi melaksanakan rancangan itu menurutlah keadaan-keadaan di tempat itu. Kerajaan akan menjalankan rancangan-rancangan ini menurut kehendak sesuatu tempat itu dan saya percaya dan saya mengetahui bahawa Negeri-negeri selain daripada Kelantan dan Trengganu Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini berjalan dengan sempurnanya dan memberi puas hati pada pihak rakyat. Saya tidak dapat bertang-

4 Y.B. Encik Zulkiflee bin Muhammad.

gungjawab berkenaan dengan rancangan-rancangan yang dijalankan di negeri Kelantan dan Trengganu dan saya fikir sebabnya rancangan negeri itu tidak dapat dijalankan dengan jaya maka tidak patut perkara ini disalahkan kepada Kerajaan Perikatan. Kerajaan di dua buah Negeri itu ada mempunyai rancangan-rancangan yang sendiri dan **patutlah** mereka itu **menunjukkan** kebolehan mereka bagi mentadbirkan negeri itu sebelum menyalahkan pihak Kerajaan Persekutuan.

Saya telah terangkan juga dahulu iaitu Kerajaan Kelantan dan Trengganu tidak menerima dasar kebangsaan kemajuan **tanah**. Ini bukan soal kuasa, atau pun soal siapa yang patut **memegang** hal tanah ini. Ini ialah semata-mata yang mereka itu tidak menerima rancangan kebangsaan. Rancangan Kemajuan Tanah menurut Group Settlement Act telah pun dipersetujui oleh Dewan ini dan dalam rancangan ini Kerajaan Persekutuan tidak sedikit pun hendak mengambil bahagian. Kerajaan Persekutuan hanyalah hendak memberi pertolongan sahaja kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menjalankan rancangan ini. **Akhir-akhir** rancangan ini Kerajaan Kelantan dan Trengganu tidak menerima. Jadi pihak Kerajaan Persekutuan hanyalah memandang dari kepentingan rakyat negeri Kelantan dan Trengganu dan **suka** hendak menolong melaksanakan Rancangan-rancangan Kemajuan Tanah jika dikehendaki, tetapi oleh sebab Kerajaan kedua-dua buah Negeri itu tidak dapat **menerimanya** maka tidak dapatlah Kerajaan Persekutuan hendak memberi pertolongan.

Berkenaan dengan pandangan wakil dari Kuala Trengganu **Selatan**⁵ yang mengatakan pada **pandangannya** **sungguh** pun bagi diri saya **membesarkan** Rancangan-rancangan **Pembangunan** Luar Bandar tetapi daripada wang yang diuntukkan hanyalah ada 20% sahaja peruntukan bagi Kemajuan Pembangunan Luar Bandar. Jadi perkara ini tidak benar, sebab saya boleh terangkan di sini iaitu wang peruntukan yang memberi keuntungan terus atau pun direct benefit to rural areas ialah \$1,047 million. Ini yang memberi keuntungan terus kepada luar bandar dan dalam rancangan-rancangan yang lain pihak kawasan-kawasan luar bandar ada juga mendapat faedah.

Saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana saya dapati ada memberi sokongan yang kuat dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua.

5 Y.B. Datuk Onn bin Jaafar.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh⁶ dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan ada memberi pandangan berkenaan dengan Airport.

Sir, I would like to explain that the Government considers that Airport is not a prestige project, but a necessity, because, if the Federation of Malaya intends to attract foreign trade, attract foreign travellers and tourists, the Federation must have an airport on which all planes can land. The present facilities in the airport are definitely inadequate, and therefore, it is desirable for us to have a new airport.

The Honourable Member for Ipoh made very serious allegations about certain allocations of mining land near Ipoh, and he himself admitted that these allegations are very serious in nature. I would like to assure him and this House that the Government will cause an investigation to be made into this. This Government, the Alliance Government, stands for honesty, for a clean Government and if there is any questionable dealing anywhere, then that matter must be brought to book and any person responsible for that dealing must be dealt with according to law. I cannot say that what type of inquiry will be made, because it is a State matter, but I can assure this House that I would see to it that some kind of an inquiry is made.

In the same way, the Honourable Member for Kuala Trengganu Selatan has mentioned about corruption. I know that there have been a lot of allegations of corruption throughout the country, but the Government cannot get enough evidence. As I said, we are very anxious to stamp out corruption, and we are doing our best, through our Anti-Corruption Agency to try to get evidence. I know of a lot of talk about it, but we cannot get evidence. We have got to bring the case to Court, and we must have evidence. I therefore hope that the Honourable Members will co-operate with the Government in this. If there is any dishonest dealing in any matter, I do hope that the Honourable Members will bring that to our notice so that we can deal with it without any delay.

Tuan Yang Dipertua, itulah sahaja perkara yang saya suka hendak terangkan bagi menjawab pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam perbincangan Dewan ini yang

⁶ Y.B. Encik D. R. Seenivasagam.

telah bersidang selama dua hari ini yang sebahagian besarnya Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ada menerima dan menyokong Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua. Saya berharap rancangan ini kita akan bersama-sama bekerja dengan kuatnya bagi menjalankan, menjayakan rancangan kebangsaan kita ini supaya dalam masa lima tahun yang hadapan ini kita akan dapat melaksanakan semua rancangan-rancangan ini dengan sepenuhnya dan dapat memberi rakyat negeri ini satu taraf hidup yang baru yang lebih sempurna dan yang boleh memberi puas hati kepada mereka itu.